

Garis Panduan Portal MyGovernment


Garis Panduan Gerbang Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (MyGovernment)

Garis panduan Gerbang Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (*MyGovernment*) telah diwujudkan sebagai sumber rujukan kepada agensi sektor awam bagi mencapai objektif seperti berikut:

- (i) Menyediakan panduan pembangunan laman web berdasarkan *life event* dan berpaksikan rakyat;
- dan
- (ii) Menyediakan panduan kepada pembangunan dan penyenggaraan perkhidmatan dalam talian kerajaan bagi mewujudkan keseragaman interaksi portal *MyGovernment* dan perkhidmatan dalam talian agensi.

Garis panduan ini terdiri daripada:

- (1) Garis Panduan Keperluan Pengguna
- (2) Garis Panduan Kebolehgunaan Web
- (3) Garis Panduan Penggunaan Web Servis
- (4) Panduan Teknikal Keselamatan Siber
- (5) Garis Panduan Reka Bentuk Visual
- (6) Garis Panduan Strategi Kandungan
 - (i) Prosedur Operasi Standard Strategi Pembangunan Kandungan
 - (ii) Prosedur Operasi Standard Pengendalian Penyenggaraan Kandungan



Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada Januari 2019


22 Januari 2019

Taklimat Kerjasama Strategik Projek Government Online Services Gateway Kepada Focal Point Kementerian/Agenzia Kerajaan

Memberi penerangan mengenai Projek *Government Online Services (GOS) Gateway* kepada *focal point* kementerian/agenzia. Menerangkan terma rujukan, peranan dan tanggungjawab *focal point* kementerian/agenzia yang dilantik untuk Projek *GOS Gateway* dan mendapatkan jalinan kerjasama daripada kementerian/agenzia Kerajaan.

Agensi yang terlibat :

- 27 kementerian/agenzia



Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada Februari 2019

12 Februari 2019

01

Perbincangan Teknikal Perkhidmatan Semakan Keputusan Peperiksaan di Portal MyGovernment

Perbincangan teknikal bagi membincangkan struktur pangkalan data dan hal-hal lain yang berkaitan perkhidmatan Semakan Keputusan Peperiksaan di Portal *MyGovernment*.

Agensi yang terlibat adalah :

- KPM
- PADU



13 Februari 2019

02

Mesyuarat Penyelenggaraan Integrasi Perkhidmatan KPDNHEP dengan GOS Gateway

Mesyuarat diadakan bagi membincangkan pelan pelaksanaan terbaik bagi memastikan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan efisyen bagi memenuhi keperluan rakyat.

Agensi yang terlibat adalah :

- KPDNHEP



15 Februari 2019

03

Perbincangan Halatuju Pembangunan Inisiatif Perkhidmatan Dalam Talian Kumpulan Pendidikan Dengan GOS Gateway

Sesi diadakan bagi membincangkan isu-isu dan halatuju kejayaan pembangunan inisiatif perkhidmatan dalam talian kumpulan pendidikan yang telah dikenalpasti dengan pihak IT Kementerian Pendidikan

Agensi yang terlibat adalah :

- KPM



04

Sesi Pra Bengkel Pemantapan Kandungan Projek GOS Gateway

Sesi penerangan kepada *focal point* *GOSG* bagi menerangkan mengenai persediaan awal dan mengenalpasti wakil agensi yang berkaitan bagi Bengkel Pemantapan Kandungan yang dirancang pada bulan Mac yang akan datang.



26 Februari 2019

Aktiviti Yang Dirancang Pada Mac 2019

Bengkel Pemantapan Kandungan Portal MyGovernment

- Penambahbaikan Kandungan dan Perkhidmatan

- Peluasan Kandungan

e-Newsletter Bil. 3/2019 akan memaparkan penambahbaikan Portal *MyGovernment* yang baharu.

Ikuti Portal *MyGovernment* di saluran berikut:

www.malaysia.gov.my

MyGovernment_Official

https://twitter.com/GOS_Gateway

Imbas Sekarang!

EDISI HADAPAN